

telah di senarai pendek sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi dan diberi tempoh selama 3 bulan untuk menyediakan dokumen bagi tujuan audit fizikal oleh Jawatankuasa Penilai sebelum dicadangkan kepada kabinet. Naib Canselor selaku Pengerusi Lembaga CEDI telah mengarahkan supaya satu task force yang diketuai oleh Prof. Abdul Razak saleh TNC (P&I) untuk memastikan persediaan berjalan lancar.

Lembaga CEDI juga telah meluluskan struktur baru CEDI bagi melonjakkan lagi peranannya di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Pihak CEDI juga turut membentangkan pelan transformasi dan hala tuju CEDI untuk tahun 2011-2013. Naib Canselor seterusnya menjelaskan UUM sebagai peneraju dan pusat rujukan pembangunan keusahawanan di kalangan IPTA perlu bergerak lebih agresif terutamanya dalam bidang penyelidikan yang berimpak tinggi berkaitan dengan keusahawanan dan koperasi

Naib Canselor juga telah mencadangkan beberapa strategi baru dan usaha penambahbaikan yang boleh dipraktikkan supaya CEDI dapat memainkan peranan yang lebih penting di peringkat nasional dan antarabangsa.

Antara strategi dan usaha penambahbaikan yang telah cadangkan oleh beliau adalah seperti penubuhan Pusat Pengajian Siswazah (graduate school), memperkasakan aktiviti penyelidikan, mewujudkan kursi Profesor, transformasi program Siswaniaga, penglibatan CEDI UUM dalam ICA (International Co-operative Alliance), membuka peluang-peluang perniagaan francais (seperti perniagaan kopitiam dan kedai runcit ala 7-Eleven) serta mewujudkan kawasan perniagaan ICT (kedai service komputer) di dalam kampus UUM, cadangan penghasilan Jurnal Keusahawanan dan Koperasi oleh pihak CEDI, sebagai penaja anugerah khas - "CEDI UUM Entrepreneurship & Cooperative Award" untuk usahawan-usahawan kecil dan sederhana serta Alumni, usaha-usaha mengkomersialkan produk-produk masyarakat desa dan sebagainya. Yang Berbahagia Naib Canselor juga turut mengarahkan CEDI untuk membangunkan, memantau dan menyelaras semua jenis perniagaan yang dijalankan oleh para pelajar di dalam kampus dan memastikan pengoperasian premis perniagaan yang diusahakan oleh para pelajar ini dapat berjalan dengan lancar dan beroperasi dengan baik.

Turut hadir sama di dalam Mesyuarat Lembaga CEDI ini ialah Prof. Dr. Rosna binti Awang Hashim, Timbalan Naib Canselor (A&A), Datuk Dr. Ahmad Faiz bin Hj Abdul Hamid, Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Dr. Abdul Razak Saleh, Timbalan Naib Canselor (P&I), Ahli Lembaga CEDI yang dilantik dari usahawan luar iaitu Tuan Haji Mohd Shakri bin Abdul Razak dan Encik Rozaiman Che Kar, pegawai-pegawai kanan universiti, dan pegawai-pegawai dari CEDI UUM. Mesyuarat telah berakhir pada jam 6.00 petang.

Tamat.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI (CEDI)